

Nilai Kekeluargaan Semakin Berharga Semasa Pandemik



Oleh : Nurul Ain Noor Shaini

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 10 Ogos 2021



Senyuman dan sentuhan yang sentiasa dirindukan.

“Rindunya dengan mak ayah, adik-beradik.”

“Rindunya dengan isteri dan anak-anak.”

Itulah antara ungkapan yang sering kita dengar ketika ini. Anak-anak terpisah jauh daripada ibu bapa mereka kerana pandemik yang melanda negara. Tidak kurang juga pasangan suami isteri

yang terpaksa tinggal berjauhan kerana tugas kerja, kini terasa semakin jauh akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Barulah kita akan tersedar betapa berharga dan bernilainya keluarga kita. Mungkin dahulu, kita kurang memikirkan perkara ini kerana menganggap akan selalu berjumpa mereka. Kini, segalanya telah berubah.

Sesungguhnya, ia mengajar kita erti kekeluargaan. Mungkin sukar bagi sebahagian daripada kita menerima hakikat ini, tetapi apakan daya kita selain daripada menelan pahitnya perasaan itu.



Pandangan dan pelukan kasih sayang yang menghangatkan.

Keluarga adalah sangat berharga kerana merekalah orang pertama yang akan membantu ketika kita kesusahan. Merekalah orang yang paling hampir dengan kita selain sahabat-sahabat karib.

Merekalah yang akan memastikan kita sentiasa gembira dan bahagia. Merekalah yang sentiasa berusaha membuatkan kita tersenyum dan ketawa.

Segala kesedihan yang sedang kita alami, pasti mereka akan terasa sekali. Bak kata peribahasa, cubit peha kiri, peha kanan turut terasa.

Begitulah kekuatan ikatan pertalian darah dan hubungan di antara ibu, bapa dan adik-beradik yang lain. Walaupun mereka mungkin tidak dapat membantu dari segi wang ringgit, mereka tetap membantu kita dari segi sokongan emosi. Dalam situasi sekarang, dapatkah mereka membantu kita dari jauh?



Kerinduan yang tidak berpenghujung bagi mereka yang berjauhan.

Berikutan krisis yang melanda negara sekarang, semua itu terasa seperti sukar sekali untuk dilakukan. Segalanya perlu dilakukan dari jauh.

Hanya panggilan video yang boleh dilakukan untuk melepaskan segala kerinduan di hati, meluahkan dan menceritakan segala masalah yang dihadapi tanpa ada bahu untuk disandarkan.

Bagi mereka yang dapat bersama dengan keluarga, ia adalah merupakan satu nikmat yang besar dan tidak ternilai. Justeru, bersyukurlah atas nikmat yang dikurniakan.

Perasaan rindu dan sedih semakin bertambah apabila ada dalam kalangan kita tidak dapat pulang ke kampung untuk beraya bersama keluarga tercinta. Tiada apa yang dapat dilakukan melainkan akur dan patuh dengan arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Walaupun begitu, janganlah kita lupa untuk bersyukur kerana masih ada insan-insan di sekeliling kita. Mungkin hari raya tidak meriah seperti dahulu namun kita masih boleh meraikannya bersama mereka.



Hadiah tanda penguat ikatan untuk insan yang tersayang.

Meskipun begitu, ukhwah antara ahli keluarga masih boleh dijalinkan. Pada era moden ini, tiada yang mustahil walaupun berjauhan daripada keluarga.

Hubungan kekeluargaan masih boleh dijaga. Salah satu cara untuk kita menghargai keluarga kita adalah dengan memberi mereka sesuatu yang istimewa seperti hadiah sebagai tanda ingatan dan pengganti diri.

Hargailah dan sayangilah keluarga kita walau di mana sahaja mereka berada. Pasti ada hikmah atas setiap kejadian yang berlaku kepada kita semua.

Bagi mereka yang sedang berjauhan daripada keluarga, semoga sentiasa diberi ketabahan hati dan fikiran, dikuatkan iman dalam diri kita dan dipelihara oleh Allah SWT.

Semoga semua ini akan segera berakhir supaya kita dapat bertemu semula dan berkumpul bersama keluarga tercinta.